

BAHAGIAN/SECTION A

Arahan: Jawab semua soalan.

Instruction: Answer all questions.

- 1 Puan Marlia menyimpan RM8 000 dalam akaun simpanan dengan kadar faedah 3.4% setahun bagi tempoh 3 tahun. Faedah dikompoun ialah 3 bulan sekali. Hitung nilai matang yang diperoleh Puan Marlia.
Puan Marlia deposits a sum of RM8 000 in her savings account with an interest rate of 3.4% per annum for a period of 3 years. The interest is compounded once every 3 months. Calculate the maturity value obtained by Puan Marlia.
- A RM272
B RM816
C RM7 184.20
D RM8 855.20

- 2 Antara berikut, yang manakah ialah jenis pelaburan?
Which of the following is the type of investment?
- A Akaun semasa
Current account
B Simpanan tetap
Fixed deposit
C Saham
Shares
D Pinjaman persendirian
Personal loan

- 3 Kecairan ialah keupayaan menukar suatu simpanan, pelaburan atau aset menjadi _____.
Liquidity is the ability of converting a saving, investment or asset into _____.
- A Pulangan
Return
B Tunai
Cash

- C Risiko
Risk
D Faedah kompaun
Compound interest

- 4 Hitung jumlah simpanan selepas lima tahun jika prinsipal sebanyak RM2 000 dan faedah mudah tahunan yang dikenakan ialah 1.9%.
Calculate the total savings after five years if the principal RM2 000 and simple interest rate per year are 1.9%.
- A RM2 038
B RM2 190
C RM2 197.36
D RM4 280

- 5 Antara berikut adalah bukan ciri-ciri Akaun Simpanan Tetap kecuali
The following are not the features of Fixed Savings Account except
- A Menyimpan sejumlah wang tertentu untuk satu tempoh masa tertentu seperti 3 bulan, 9 bulan atau 1 tahun.
A sum of money is saved for a certain period of time such as 3 months, 9 months or 1 year tenure.
B Pemegang akaun akan ditawarkan kadar faedah yang lebih kompetitif berbanding dengan akaun simpanan.
Account holders will be offered more competitive interest rates compared to savings accounts.

- C Pemegang akaun menerima kadar faedah berdasarkan jumlah simpanan dan tempoh simpanan.
The account holder receives the interest rates based on the total amount and the duration of savings.
D Sijil simpanan akan dikeluarkan kepada pemegang akaun.
A saving certificate will be issued to the account holder.

- 6 Maksud bagi prinsipal ialah _____.
The meaning of principal is _____.
- A Tempoh
Period
B Faedah mudah
Simple interest
C Kekerapan pengkompaunan
Compounding frequency
D Jumlah wang yang disimpan
Total saving money

- 7 Haziq mempunyai RM20 000 dalam suatu akaun simpanan. Kadar faedah mudah yang diberikan ialah 1.75% setahun. Hitung jumlah simpanan dalam akaun itu selepas 6 bulan.
Haziq has RM20 000 in a savings account. The simple interest rate given is 1.75% per annum. Calculate the total savings in the account after 6 months.
- A RM20 000
B RM20 175
C RM20 350
D RM20 500

8 Antara berikut, yang manakah adalah kelemahan menggunakan kad kredit?
Which of the following is the disadvantage of credit card usage?

- A Mudah digunakan untuk pembelian tunai.
Easy to use for cashless payment.
- B Berbelanja lebih daripada sepatutnya.
Overspending.

C Kemudahan membeli barangan dan perkhidmatan atas talian.
Convenience of buying goods and services online.

D Kaedah pembayaran yang mudah dan cekap.
Easy and efficient payment method.

9 Syamimi membayar RM464 untuk bayaran ansuran pinjaman keretanya. Diberi bahawa kadar faedah ialah

2.5% setahun dan tempoh pinjaman ialah 9 tahun. Hitung harga tunai keretanya.
Syamimi pays RM464 for her car loan instalment. Given that the interest rate is 2.5% per annum and the loan period is 9 years. Calculate the cash price of her car.

- A RM36 667.30
B RM40 907.76
C RM50 112.00
D RM63 220.15

BAHAGIAN/ SECTION B

Arahan: Jawab semua soalan.

Instruction: Answer all questions.

10 (a) Tandakan (✓) pada pernyataan yang betul.

3.1 Mark (✓) for the correct statement.

[2 markah/marks]

Jawapan/Answer:

Saham mewah <i>Luxury Stocks</i>	(Saham <i>Blue Chips</i>) ialah saham syarikat-syarikat besar yang mempunyai rekod pencapaian perniagaan yang cemerlang seperti Maybank, TNB dan Petronas. (<i>Blue Chip Stocks</i>) are stocks of large companies with a record of excellent business achievements such as Maybank, TNB and Petronas.	
Pelabur agresif <i>Aggressive investors</i>	Membeli amanah saham, bon dan dana ekuiti. Purchase of stock trusts, bonds and equity funds.	

(b) Pilih jawapan yang betul bagi setiap pernyataan yang berikut.

3.1 Choose the correct answer for each of the following statements.

Komisen
Commission

Kos guaman
Legal cost

Duti stem
Stamp duty

[2 markah/marks]

Jawapan/Answer:

Cukai yang dikenakan atas dokumen atau surat yang mempunyai kesan perundangan, komersial atau kewangan seperti di bawah Jadual Pertama, Akta Stem 1949. Tax imposed on documents or letters of legal, commercial or financial implications under the First Schedule, of Stem Act 1949.	
Fee yang dibayar oleh penjual hartanah kepada ejen bagi urusan jualan hartanah. Fee paid by property seller to the agent for real estate transactions.	

11 (a) Padankan pernyataan berikut dengan jawapan yang betul.

3.1 Match the following statements with the correct answers.

[3 markah/marks]

Jawapan/Answer:

Kebiasaannya diterima pada akhir tahun kewangan dan dihitung berdasarkan wang yang dilaburkan. <i>Usually received at the end of the financial year and calculated based on the money invested.</i>	●
Syer tambahan yang diberi secara percuma kepada pemegang saham yang sedia ada. <i>Additional shares that are given free to existing shareholders.</i>	●
Peningkatan harga saham semasa saham dijual. <i>Increase in share price when the shares are sold.</i>	●

●	Syer bonus <i>Bonus shares</i>
●	Keuntungan modal <i>Capital gain</i>
●	Dividen <i>Dividend</i>

(b) Apakah yang anda faham tentang faedah simpanan?

3.1 What do you understand about the interests of savings?

[1 markah/mark]

Jawapan/Answer:

12 (a) Tandakan (✓) bagi pengiraan yang betul dan (✗) bagi pengiraan yang salah.

3.1 Tick (✓) for the correct calculation and (✗) for incorrect calculation.

Puan Sheila menyimpan wang sebanyak RM10 000 di sebuah bank. Berapakah jumlah simpanan Puan Sheila selepas setahun jika faedah tahunan yang diberikan ialah:

Puan Sheila deposits RM10 000 in a bank. What is the amount of Puan Sheila's savings after a year if the annual interest rate given is:

- 2.5%,
- 1.75%.

[2 markah/marks]

Jawapan/Answer:

Kadar faedah <i>Interest rate</i>	Tempoh simpanan (tahun) <i>Savings period (year)</i>	Jumlah faedah <i>Total interest (RM)</i>	Jumlah simpanan selepas 1 tahun <i>Total savings after 1 year</i>	(✓) atau/or (✗)
2.5%	1	$RM10\,000 \times \frac{2.5}{100} \times 1 = 250$	$RM10\,000 + (250 \times 12) = RM13\,000$	
1.75%	1	$RM10\,000 \times \frac{1.75}{100} \times 1 = 175$	$RM10\,000 + 175 = RM10\,175$	